

03/04/1998

Malaysia pasarkan ciri tradisi

Azizi Othman in London

LONDON, Khamis - Kejayaan Malaysia mengeluarkan pelbagai barangan moden tetapi mempunyai ciri tradisi yang unik mendorong kejayaan pemasarannya di peringkat antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, barangan keluaran tempatan yang mempunyai unsur dan gaya tradisi pasti menarik minat pembeli di luar negara.

Katanya, walaupun ekonomi Malaysia kini berasaskan perindustrian, tumpuan khusus tetap diberikan supaya produk keluarannya mempunyai kelebihan tersendiri.

"Dalam pada kita meneroka bidang industri, kita sentiasa mengekalkan budaya tempatan dan dengan itu, Malaysia kini mampu mengeluarkan barangan moden yang masih mengekalkan tradisi, gaya dan cita rasa masyarakatnya.

"Saya yakin produk seperti ini mampu menarik minat ramai," katanya pada majlis memeterai perjanjian antara tiga syarikat Malaysia dengan gedung beli-belah terkemuka Harrods, di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengarah Harrods, Countess Spencer.

Sempena majlis itu, satu pameran produk tempatan bertemakan 'Barangan Malaysia: Tradisi Ke Inovasi' turut diadakan di gedung beli-belah berprestij itu.

Dr Mahathir berkata, tema pameran produk tempatan itu mencerminkan kejayaan dan perkembangan program industrialisasi Malaysia yang sebelum ini hanya terkenal sebagai pengeluar komoditi.

"Dulu kita pengeluar komoditi seperti timah dan getah tetapi selepas ia merosot dan tidak mampu mewujudkan peluang pekerjaan yang cukup, Malaysia meneroka sektor industri.

"Bagaimanapun, dalam proses itu kita berusaha mengekalkan ciri tradisi yang unik.

"Saya percaya langkah sedemikian akan menjadikan produk Malaysia lebih menarik," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kejayaan produk Malaysia turut membantu menjayakan strategi kerajaan mengatasi masalah ekonomi dengan menambah eksport bagi mendapatkan lebih banyak dolar Amerika dan paun sterling.

Dr Mahathir berharap Harrods dapat mengimport lebih banyak produk tempatan untuk dipasarkan di sini.

"Walaupun imbalan dagangan dengan Britain kini berpihak kepada Malaysia, tiada salahnya ia ditambah.

"Ini kerana Malaysia masih miskin berbanding Britain yang sudah kaya.

"Apa salahnya jika anda memberikan sedikit paun menerusi import itu kepada kami," kata Dr Mahathir berseloroh.

Beliau berkata, Malaysia gembira dengan kesanggupan Harrods menyediakan ruang pameran tetap di gedungnya bagi barangan keluaran negara dan berharap ia dapat ditingkatkan pada masa depan.

"Saya berharap lebih banyak syarikat tempatan mengadakan kerjasama dengan pengusaha terkemuka seperti Harrods pada masa depan," katanya.

(END)